

Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



PESUTM diwakili oleh Tuan Haji Ismaal Samat selaku Pengurus Biro Khidmat Profesional, turut hadir Tuan Hj Md Noh Main, Tuan Hj Zainul Rashid Abu Bakar dan Tuan Hj Abd Razib Hj Shahuddin. Jabatan Pendaftar UTM (Bahagian Pengurusan Organisasi) diwakili Puan Hartini Darsono (Timbalan Pendaftar) & staf, manakala UTM Digital diwakili Encik Helme Yaakob, Pegawai Sistem Maklumat Kanan UTM Digital & Staf.

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PERSATUAN PESARA UTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan | Ketua
Haji Bakri Mohd Dahlan
Cik Siti Zaiton Borham

BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar | Ketua
Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris
En. Muhamad Saad Sulaiman
Puan Faridah Hussein
En. Abdul Hadi Othman
En. Othman Adon

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani | Ketua
Haji Zainal Abidin Hassan
Puan Abrizah Abd. Rahim
Puan Ramlah Husin
En. Abdul Wahab Laberahimah
En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismaal Samat | Ketua
Haji Zainul Rashid Abu Bakar
Haji Md Noh Main
En. Mohd Sofian Mohd Amran
Haji Abdul Razib Haji Shahabuddin

HIT UTM Digital | 3 Ogos 2023

PEMBANGUNAN SISTEM e-PESARA: PERBINCANGAN PESUTM, BAHAGIAN PENGURUSAN ORGANISASI DAN UTM DIGITAL

Persatuan Pesara UTM berpendirian bahawa selari dengan perkembangan teknologi yang semakin maju dan meluas waktu kini, maka sewajarnya PESUTM memanfaatkan kemajuan teknologi ini dalam rangka mengurus tadbir PESUTM secara lebih teratur, sistematik dan berkesan terutama dalam melaksanakan aktiviti berkaitan pendaftaran keahlian dan pengurusan data keahlian. Sehubungan dengan ini, PESUTM bersama Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Jabatan Pendaftar dan UTM Digital sekali lagi bertemu bagi membincangkan secara lebih mendalam pengisian dan tuju arah sistem e-Pesara yang telah diusahakan sejak 2018. Terakhir sesi perbincangan diadakan bersama Puan Pendaftar, PESUTM, BPO, dan UTM Digital pada 28 Mei 2023 lalu.

Sesi pertemuan kali ini dari PESUTM dihadiri oleh Tuan Haji Ismaal Samat selaku Pengurus Biro Khidmat Profesional, turut disertai tiga ahli iaitu terdiri Tuan Hj Md Noh Main, Tuan Hj Zainul Rashid Abu Bakar dan Tuan Hj Abd Razib Hj Shahuddin. BPO diwakili oleh Puan Hartini Darsono (Timbalan Pendaftar) & staf, manakala UTM Digital pula diwakili Encik Helme Yaakob, Pegawai Sistem Maklumat Kanan UTM Digital & Staf.

Sesi perbincangan diakhiri dengan rumusan persetujuan bersama yang merujuk juga perbincangan yang telah diadakan pada 28 Mei 2023 bersama Pendaftar UTM. Antara persetujuan yang disepakati bersama untuk dilaksana bahkan dihasil atau dijayakan ialah (i) Bahagian Pengurusan Organisasi, Jabatan Pendaftar dengan kerjasama UTM Digital akan membangunkan Sistem Pasca Perkhidmatan, satu daripada komponen sistem pasca ini ialah sistem e-Pesara, (ii) Data dari sistem



tersebut akan dikongsi & diguna bersama BPO, Jabatan Pendaftar & PESUTM, (iii) BPO, Jabatan Pendaftar diunjurkan mengoptimumkan penggunaan Sistem Pasca Perkhidmatan ini bagi tujuan berikut: (iii(a)) Pengurusan maklumat pesara UTM (pra persaraan & pasca persaraan), (iii(b)) Pemantauan serta merekodkan charge bayaran rawatan oleh pesara dan tanggungan di PKUTM, (iv) PESUTM akan menggunakan bagi urusan pendaftaran keahlian serta pengurusan data ahli, (v) Buat sementara waktu pihak PESUTM akan bertanggungjawab ke atas data pesara yang telah menjadi ahli sahaja sehinggalah satu dasar dimuktamadkan oleh universiti dengan menetapkan kesemua staf UTM yang bersara secara automatik menjadi ahli PESUTM, (vi) Satu bengkel Business Plan akan diadakan

diadakan antara lain bagi mengenal pasti serta menyelaras keperluan sistem, pihak yang bertanggung jawab terhadap sistem, kaedah pengawalan dan pengemaskinian data, (vii) Sistem akan dibangunkan pada awal tahun 2024 dan diunjur boleh digunakan pada pertengahan tahun 2024, (viii) Buat sementara waktu PESUTM akan terus menggunakan sistem e-Pesara yang ada bagi tujuan pengurusan pendaftaran keahlian dan jika ada sebarang pemasalahan tentang data pihak PESUTM boleh menghubungi staf berkenaan di UTM Digital, (ix) Pihak UTM Digital perlu menyemak sistem HR yang berkaitan dengan persaraan seperti kod status staf sedia ada, (x) Dicadangkan diwujudkan Unit Khas (persara) di BPO bagi mengendalikan data-data bersabit dengan persaraan (seperti ALUMNI untuk pelajar).

